

SURAT SETUJU TERIMA

Rujukan Kami : MPC(PCT)400-5/1/5(1)

Tarikh : 30 Ogos 2021

OTTO SOLUTIONS

16 Jalan Kemboja 5, Bukit Beruntung,

48300 Rawang, Selangor

(U.P.: En. Abdullah Zariffizree Bin Ruslan)

SEBUTHARGA UNTUK: PERKHIDMATAN MEMBEKALKAN PLATFORM GARIS PANDUAN PELESENAN PERNIAGAAN SELAMA SETAHUN BAGI TEMPOH OKTOBER 2021 SEHINGGA SEPTEMBER 2022

NO. SEBUTHARGA : KM B 18/2021

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju menerima tawaran sebutharga syarikat tuan dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia Dua Puluh Lapan Ribu Sahaja (RM28,000.00 termasuk 6% SST)**

2. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan **harga yang telah dinyatakan dalam dokumen sebutharga oleh pihak tuan berdasarkan skop tugas yang telah ditetapkan seperti jadual di bawah.**

Skop Tugas	Harga (RM)	Fasa Pembayaran
Platform Garis Panduan Pelesenan Perniagaan yang merangkumi spesifikasi seperti berikut: 1. User login oleh Admin, Guest. Attribute:- a. - username b. - Nama : c. - No IC : (sebagai username) d. - Kementerian/Jabatan : e. - No Telefon : f. - Emel : g. - Jawatan : 2. Platform/ features (Perlu laksanakan User Requirement Spec (URS); - Data entry (termasuk kemaskini)	16,000.00	Platform Garis Panduan Pelesenan Perniagaan (RM16,000.00) Langganan Oktober – Disember 2021 (RM3,000.00) Langganan Januari – September 2022 (RM9,000.00)

- User Interface - Upload content data (File attachment – eg. data GP dlm pdf format) - Ciri 'hit counter' dan 'statistic counter' 3. Pengujian sistem oleh pengguna (UAT) 4. Langganan Hosting Portal (1 tahun) 5. Langganan domain name (1 tahun) 6. Dokumentasi User Manual 7. Latihan pentadbir sistem (3 sesi) 8. Sokongan teknikal dan jaminan (1 tahun) 9. Penyelenggaraan		
Subscription fee untuk setahun RM1,000 X 12 Bulan	12,000.00	
6% SST	-	
Jumlah Keseluruhan (RM)	28,000.00	

3. **Satu dokumen kontrak** hendaklah ditandatangani dengan kadar segera dengan memasukkan semua terma sebagaimana lampiran sebut harga. Pihak tuan haruslah memberikan dua salinan asal kontrak yang dimatikan setem kepada MPC. Tempoh perkhidmatan adalah selama **1 Tahun bermula Oktober 2021 – September 2022**.

4. Apa-apa kegagalan dalam memenuhi kehendak di perenggan 3 dalam tempoh 14 hingga 30 hari dari tarikh pengakuan penerimaan surat ini oleh syarikat tuan, boleh mengakibatkan surat ini terbatal dan pihak MPC tidaklah dengan apa-apa jua cara bertanggung terhadap syarikat tuan melainkan jika penepian bertulis diberikan oleh orang-orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

5. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Denda/ Tolakan/ Liquidated & Ascertained Damages (LAD) seperti yang ditetapkan dalam Lampiran A.

6. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- a. syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 3 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- b. syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
- c. syarikat tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- d. syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- e. syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga Surat ini ditandatangani;
- f. syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- g. syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan/membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**;
- h. syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen *sebut harga/tender;
- i. syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- j. syarikat tuan digulungkan;
- k. syarikat tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- l. syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- m. syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau

n. terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.


7. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 4, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

8. Surat ini dihantar kepada syarikat tuan dalam tiga (3) salinan. Bersama-sama surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya. Sila kembalikan dua (2) salinan yang telah ditandatangani oleh pihak tuan dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan, ke pejabat ini dalam **tempoh tujuh (7) hari** dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah



(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah **MPC(PCT)400-5/1/5(1)** bertarih **30 Ogos 2021** dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah pun disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung dalam dokumen *sebut harga/tender dan Surat ini telah dikenakan.

Abdullah Zariffizree Ruslan

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan : **880905105033**

Alamat : 16 JALAN KEMBOJA 5, BUKIT BERUNTUNG,
48300 RAWANG, SELANGOR

Tarikh : **30 OGOS 2021**

Izhar Che Mee

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan : **620422106479**

Alamat : 16 JALAN KEMBOJA 5, BUKIT BERUNTUNG,
48300 RAWANG, SELANGOR

Tarikh : **30 OGOS 2021**

Meterai atau Cop Syarikat



*potong mana yang tidak berkenaan

LAMPIRAN A

1. **Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (jika berkaitan)**

1.1 No. Pendaftaran : 002400230-V
1.2 Tempoh Sah Laku : 29/2/2024

2. **Pendaftaran Syarikat Dengan Lembaga Profesional (jika berkaitan)**

2.1 No. Pendaftaran : -
2.2 Tempoh Sah Laku : -

3. **Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berkaitan)**

3.1 No. Pendaftaran : 357-02236663
3.2 Tempoh Sah Laku : 9/6/2024
3.3 Kod Bidang : 221110, 210101, 210103, 210108, 210109
3.4 Ekuiti Bumiputera : 100% BUMIPUTRA

4. **Pendaftaran Cukai Perkhidmatan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (jika berdaftar).
sekiranya berkaitan**

4.1 No. Pendaftaran : -
4.2 Tarikh Kuat Kuasa : -

5. **Harga dan Tempoh Kontrak**

5.1 Harga Sebut Harga (butiran harga seperti di **Lampiran A1**) : RM 28,000.00
Lampiran A1 adalah sebutharga
5.2 Peruntukan Cukai Perkhidmatan (sekiranya berkaitan) : RM -
5.3 Harga Kontrak : RM 28,000.00

5.4 Tempoh Kontrak : 12 bulan
5.5 Tarikh Mula Perkhidmatan : Oktober 2021
5.6 Tarikh Tamat Perkhidmatan : September 2022

6. **Terma Rujukan/Skop Perkhidmatan Pembida**

* Terma Rujukan/Skop Perkhidmatan Pembida yang ditetapkan seperti di **Lampiran A2**

7. ***Polisi Insurans Tanggung Rugi Profesional (jika berkaitan)**

7.1 Nilai Polisi : RM.....
7.2 Tempoh Perlindungan : Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan

8. **Kenaan Liquidated & Ascertained Damages (LAD)**

(Lewat mengemukakan deliverables yang telah dipersetujui)

8.1 Formula :
$$\frac{\text{Base Lending Rate}}{100} \times \frac{\text{Yuran Perunding}}{365}$$

(tertakluk minimum RM100 sehari)

8.2 Kadar sehari : RM.....

*potong mana yang tidak berkenaan

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Saya, Abdullah Zariffizree Ruslan nombor K.P. 880905105033 yang mewakili OTTO SOLUTIONS (nama syarikat) 002400230-V nombor pendaftaran (*MOF/CIDB/SSM) 357-02236663 dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam *lantikan terus beserta kos siling (LTBKS)/tender seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION (nama kementerian/agensi) atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi *sebut harga/tender di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi *sebut harga/tender di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

Zarif

(Nama dan No. KP)

Abdullah Zariffizree Ruslan

880905105033

Cop Syarikat :

